

25/06/2001

Orang Melayu juga lupa pada janji

Mior Kamarul Shahid

RAUT wajah dan air mukanya ketika memulakan ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung Umno 2001 yang disiarkan secara langsung menerusi televisyen kelmarin jelas menampakkan kegusaran terhadap masa depan parti, orang Melayu dan Islam.

Ini mungkin kesan hujah dan ucapan perwakilan yang banyak menimbulkan pelbagai persoalan yang mempunyai kaitan rapat dengan sikap orang Melayu. Yang jelas, ucapan penggulungan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, jauh meninggalkan jangkauan pemikiran perwakilan.

Perwakilan Umno boleh bercakap apa saja, tetapi kalau cakap tak serupa bikin, jawabnya 'pi mai, pi mai, tang tu juga'.

Berpegang kepada cakap Dr Mahathir, sudah cukup untuk menggambarkan sikap sebenar ahli dan pemimpin Umno hari ini. Mereka mungkin bercakap berdegar-degar dan penuh semangat tetapi bak kata Dr Mahathir, "Melayu mudah lupa".

Kalau mereka lupa sejarah, lupa kepahitan hidup masa silam dan kesengsaraan orang Melayu dahulu, mungkin masih boleh dimaafkan. Tapi, kalau mereka sendiri lupa apa yang mereka cakapkan, ini lagi teruk.

Ketika berdebat, mereka menegur dan membuat cadangan. Jika mendapat tepukan gemuruh, bermacam-macam idea yang dicurahkan. Selepas itu, mereka sendiri lupa apa yang dicakapkan.

Macam mana orang lain nak ikut sedangkan orang yang bercakap pun tidak memberi teladan. Jadi, butir-butir ucapan mereka hanya untuk tujuan berucap saja.

Sekarang mereka sudah berjanji untuk taat kepada Presiden. Kali ini diharapkan mereka tak lupa lagi. Janji dan cakap mereka ini boleh dibuktikan.

Tahun 2004 nanti akan menentukan sama ada mereka masih ingat atau lupa terhadap apa yang dijanjikan.

Disebabkan masalah lupa boleh diatasi dengan disiplin diri, maka ia hendaklah dimulakan sekarang supaya apa yang dijanjikan menjadi amalan. Tetapi, kalau menunggu tahun 2004 baru mahu bertindak, bermakna janji tinggal janji.

Kalau meneliti beberapa peristiwa lalu, usahkan janji, malah orang Melayu membuat pelbagai ikrar. Bila jemu dengar ikrar, mereka guna perkataan 'sumpah'.

Mereka bersumpah untuk mempertahankan maruah bangsa dan sanggup melakukan itu dan ini. Mereka juga bersumpah menolak politik wang.

Kalau perkataan sumpah itu tidak cukup kuat, mereka tambah pula dengan perkataan 'keramat' jadi 'sumpah keramat'. Lepas itu, sumpah keramat mereka entah ke mana.

Bila hendak cari pengaruh, wal hasil balik asal, ada wang dihulur-hulurkan. Jadi orang Melayu bukan saja lupa pada kata-kata sendiri tapi lupa pada sumpah mereka. Jangan suka bermain sumpah, nanti makan diri.

Umno adalah parti siasah terbesar di negara ini yang dianggotai ahli pelbagai peringkat umur. Bagi mereka yang sudah lama berjuang, mereka mungkin dapat memahami dan mengingati pahit maung kehidupan masa lalu.

Satu demi satu sudah pun pergi. Bagi yang masih bernyawa, rasa-rasanya mereka ini tidak pernah lupa peristiwa lama. Biasanya mereka tetap berbangga dengan pengalaman lalu.

Kalau berbual dengan golongan ini, mereka tidak lokek untuk menceritakan pengalaman masing-masing, malah berasa megah jika ada golongan muda yang

ingin berkongsi pengalaman. Mereka menceritakan perkara ini sebagai panduan untuk mengharungi masa depan.

Kebanyakan mereka yang mudah lupa ini adalah daripada golongan muda yang sebaik saja lahir di bumi Malaysia ini sudah lengkap makan dan pakai. Mereka tidak pernah tahu ubi kayu adalah pengganti beras pada masa lalu.

Peristiwa terbaru yang dilalui pun ialah 13 Mei 1969. Itu pun mereka dah lupa. Bagi mereka yang lahir selepas peristiwa berdarah itu, tidak ada apa kejadian lebih buruk yang boleh menyentak pemikiran mereka.

Jadi, mereka sebenarnya tak ingat apa-apa. Itulah sebabnya mereka mudah dijadikan mangsa.

Sebenarnya, orang Melayu terdiri daripada golongan yang mudah lupa sekiranya mereka sendiri pernah melalui keperitan hidup dan golongan yang tidak langsung mengenal perjuangan bangsa sendiri.

Bagi golongan muda ini, sesuatu harus dilakukan supaya mereka tidak hanyut dan lupa asal usul mereka.

Bagi sesetengah orang, pendidikan sejarah mungkin tidak begitu penting untuk menghadapi zaman moden ini tetapi tidak mengenal sejarah bangsa, akan menimbulkan masalah yang amat besar.

Manusia yang tidak menoleh ke belakang adalah golongan mereka yang tidak mempunyai panduan masa depan. Agaknya ada yang tidak kena pada silibus atau cara pengajarannya membosankan.

Tidak logik kerana hari ini pelbagai teknik dan peralatan canggih boleh digunakan untuk menarik perhatian pelajar.

(END)